

12 SEP 2003

BAJET-MIKRO

DANA SKIM KREDIT MIKRO DITAMBAH RM1 BILLION

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menambah lagi dana sebanyak RM1 bilion untuk Skim Kredit Mikro bagi peniaga kecil memandangkan sambutan yang menggalakkan.

Perdana Menteri berkata ini memandangkan kerajaan prihatin terhadap peniaga kecil dan sederhana yang mengalami kesukaran membayar hutang dengan institusi kewangan.

Di bawah Pakej Strategi Baru, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menyediakan skim penyusunan dan penjadualan semula pinjaman bagi semua jenis pinjaman dan kemudahan kredit oleh peminjam dalam sektor pelancongan.

Setakat ini, nilai pinjaman sebanyak RM3 bilion telah mendapat manfaat daripada skim itu, katanya ketika membentangkan Bajet 2004 di Parlimen di sini hari ini.

Di samping itu, katanya kerajaan juga akan mengambil langkah untuk membantu pengusaha IKS menangani masalah hutang tidak berbayar dengan institusi kewangan melalui satu mekanisme ala CDRC.

Dr Mahathir berkata BNM akan menubuhkan satu jawatankuasa penyelesaian hutang IKS bagi tujuan itu dan diharap dapat membantu menyelesaikan hutang IKS.

Menurutnya, kerajaan juga mencadangkan layanan cukai yang lebih komprehensif disediakan sama seperti sekuriti konvensional sebagai langkah untuk meningkatkan pembiayaan melalui penerbitan sekuriti Islam.

Di samping itu, galakan potongan cukai juga diberikan ke atas perbelanjaan menerbitkan sekuriti Islam menggunakan prinsip 'Istisna' untuk tempoh lima tahun di mana aset-aset hartanah dalam pembinaan boleh dijadikan sandaran.

Perdana Menteri berkata perkembangan sistem perbankan Islam telah menjadi pemangkin kepada perkembangan pesat sistem kewangan Islam yang merangkumi perbankan, insurans dan pasaran modal.

Aset keseluruhan sistem perbankan Islam telah meningkat hampir empat kali ganda kepada RM68 bilion pada tahun 2002 daripada RM17.9 bilion pada 1997, katanya.

Mengenai Sekuriti Hutang Swasta (PDS), Dr Mahathir berkata ia telah mula mendapat sambutan yang menggalakkan dengan nilai terbitan melebihi RM34 bilion sejak 2001.

Katanya, nilai aset bersih saham amanah Islam juga telah meningkat lebih dua kali ganda kepada RM4.3 bilion.

Menurutnya, Malaysia merupakan negara terulung di dunia yang menerbitkan bon global Islam Sukuk Al-Ijarah berjumlah AS\$600 juta dan mendapat dua kali ganda lebihan langganan.

Bagi menggalakkan syarikat dan institusi kewangan yang mematuhi prinsip syariah membuat pelaburan di Labuan, kerajaan mencadangkan syarikat luar pesisir Labuan diberi rebat yang bersamaan dengan jumlah zakat yang telah dibayar.

Ini tertakluk kepada had maksimum RM20,000 atau tiga peratus daripada keuntungan bersih, tambah beliau. -- BERNAMA

MKO ZK